

Peraturan Kewangan Pelajar UPM

Tujuan

Tujuan peraturan ini ialah untuk menjelaskan kaedah, syarat dan implikasi kepada pelajar berkenaan proses pembayaran yuran pengajian / penginapan pelajar yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Universiti.

Tafsiran

- i) **Pembayaran** - adalah meliputi semua bayaran yang diwajibkan ke atas pelajar seperti yang ditetapkan oleh Universiti
- ii) **Pelajar Baharu** - pelajar semester pertama untuk semua program yang ditawarkan oleh Universiti Putra Malaysia; dan
- iii) **Pelajar Senior** - pelajar semester kedua dan seterusnya.

Kaedah Pembayaran

i) Pelajar Baharu

Pelajar baharu program Asasi Sains / Diploma / Bachelo hendaklah menjelaskan semua bayaran yang telah ditetapkan selewat-lewatnya pada hari pendaftaran.

ii) Pelajar Senior

Pelajar program Asasi Sains / Diploma / Bachelo yang tiada penaja (persendirian) hendaklah menjelaskan bayaran yang telah ditetapkan selewat-lewatnya pada hari pertama kuliah semester semasa.

iii) Pelajar Yang Sedang Memohon Perlanjutan Penajaan

Pelajar yang telah tamat penajaan dan sedang memohon perlanjutan penajaan, hendaklah mengemukakan surat pengesahan dari penaja akan status perlanjutan pada hari pertama kuliah bermula.

iv) Pelajar Berpenaja Yang Tidak Ditaja Sepenuhnya

Pelajar berkenaan hendaklah menjelaskan perbezaan yuran yang tidak akan dibayar oleh penaja selewat-lewatnya pada hari pertama kuliah semester semasa.

Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Pembayaran Yuran

- i) Universiti boleh menentukan apa tindakan - tindakan yang boleh dibuat terhadap pelajar yang gagal menjelaskan yuran dan bayaran yang telah ditetapkan.
- ii) Pelajar yang gagal menjelaskan bayaran yuran dalam tempoh yang ditetapkan akan ditahan daripada membuat pendaftaran kursus untuk semester akan datang.
- iii) Jika yuran dan lain - lain tuntutan universiti tidak dibayar lagi,Universiti berhak membuat tuntutan daripada pelajar berkenaan semua yuran tertunggak termasuk mengambil tindakan undang-undang walaupun pelajar telah berhenti dari universiti.

Yuran Yang Berkuatkuasa

- i) Yuran yang dikenakan adalah yuran yang telah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Universiti. Kadar - kadar dan struktur yuran semasa adalah tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis awal. (Sila hubungi Seksyen Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari untuk keterangan lanjut)

Peraturan Umum

Penarikan Diri Dari Kolej Kediaman Semasa Pengajian

- i) Pelajar yang berhenti atau menarik diri dari mendiami Kolej Kediaman dikehendaki menjelaskan pembayaran yuran Kolej Kediaman bagi bilangan hari yang didiami di kolej berkenaan.
- ii) Sebaliknya pelajar yang telah menjelaskan bayaran penuh yuran penginapan, berhak menuntut baki bayaran bagi bilangan hari yang tidak menginap bergantung kepada peraturan dan keputusan dari pihak kolej berkenaan.
- iii) **Pelajar yang mendiami kolej kediaman semasa cuti juga tertakluk kepada Peraturan i) di atas.**

Tuntutan Yuran Pengajian Bagi Kes Khas

- i) **Tindakan Tatatertib**
 - a) Pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib sama ada diberhentikan atau digantung pengajian dikehendaki menjelaskan semua bayaran bagi semester berkenaan di mana tarikh hukuman dikuatkuasakan.
- ii) **Menarik Diri Dari Mengikuti Kursus / Penangguhan Pengajian / Cuti Sakit**
 - a) Pelajar baharu yang menarik diri dan Pelajar Senior yang menarik diri /menangguh pengajian dari Universiti **SELEPAS dua (2)** minggu dari hari pertama kuliah semester semasa, dikehendaki menjelaskan semua bayaran (termasuk yuran asrama) semester berkenaan. Bagaimanapun pelajar berhak menuntut kembali :-
 - Yuran makan yang telah dibayar mengikut baki kad makan setelah mendapat pengesahan setelah mendapat pengesahan daripada pihak UPMCS'
 - Yuran Skim *Book Plan* yang telah dibayar mengikut baki kad pelajar setelah mendapat pengesahan daripada pihak Koperasi UPM.
 - b) Pelajar baharu yang menarik diri **DALAM TEMPOH (2)** minggu dari hari pertama kuliah semester semasa perlu membayar YURAN PENDAFTARAN DAN YURAN MINGGU SUAI KENAL.
 - c) Pelajar Senior yang menarik diri/ menangguh pengajian **DALAM TEMPOH (2)** minggu dari hari pertama kuliah semester semasa hanya dikehendaki menjelaskan yuran kolej mengikut hari menginap setelah mendapat pengesahan daripada pihak kolej dan jumlah Kad MEALPLAN yang telah digunakan, setelah mendapat pengesahan daripada pihak UPMCS.
 - d) Pelajar Baharu ambilan kedua semester semasa juga tertakluk kepada peraturan-peraturan di atas.

Maklumat Lain

Sebarang masalah berhubung dengan penjelasan peruntukan dan peraturan di atas hendaklah dirujuk kepada **Seksyen Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari ditalian :**

Prasiswazah :
Tel : 03-8946 6215 / 6225 / 6240
No Faks : 03-89472048
Siswazah :
Tel : 03-8946 4161 / 4156
No Faks : 03-89472048.